



TENGGU Abdullah menyerahkan ijazah kepada Shoba pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang ke-12, semalam.

Kuantan

Metro 19/11

'Kini semua hanya tinggal kenangan'

“Selepas kematian suami pada Mei lalu, saya menaruh harapan kepadanya untuk membawa kami keluar dari kepompong kemiskinan memandangkan dia anak lelaki tunggal dalam keluarga.

“Kini semua itu hanya tinggal kenangan dan kami sekeluarga sudah dapat menerima pemergian mendiang dengan hati yang tenang,” kata ibu tunggal Shoba Perumal, 59.

Shoba yang bekerja sebagai penoreh getah di sebuah estet di Kuala Krai, Kelantan menerima ijazah bagi pihak anaknya, Kamalanathan Narayanan, 23, penuntut Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuteraan Kimia yang maut dalam kemalangan pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-12, semalam.

Ijazah itu disampaikan Pemangku Raja Pahang merangkap Canselor UMP, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.